

Perjanjian Lesen Pengguna Akhir

Sila baca terma dan syarat Perjanjian Lesen Pengguna Akhir ini ("Perjanjian") dengan teliti sebelum menggunakan Penyelesaian (seperti yang ditakrifkan di bawah). Ini ialah kontrak sah yang mengikat. Dengan bersetuju secara elektronik, atau memasang Penyelesaian atau menggunakan Penyelesaian, anda menerima semua terma dan syarat Perjanjian ini bagi pihak anda sendiri dan mana-mana entiti atau individu yang anda wakili atau pemilik Peranti yang anda peroleh Penyelesaian untuknya (secara kolektif "anda"). Jika anda tidak bersetuju dengan terma dan syarat Perjanjian ini, jangan teruskan proses pemasangan, jangan gunakan Penyelesaian dan padamkan atau musnahkan semua salinan Penyelesaian dalam simpanan atau kawalan anda.

Perjanjian ini berkaitan dengan penggunaan perisian ("Perisian") tertentu oleh anda, perkhidmatan atau perkakasan dan perisian kekal berkaitan, termasuk sebarang Kemas Kini (setiap satu "Penyelesaian") berhubung dengan penerimaan Perjanjian ini oleh anda dan sebarang Dokumentasi yang berkaitan. Dalam Perjanjian ini, "Vendor" bermaksud entiti yang dikenal pasti [di sini](#) yang menyediakan Penyelesaian kepada anda; "Dokumentasi" bermaksud sebarang manual pengguna dan arahan yang disediakan dengan Penyelesaian; dan "Syarat Berkaitan" bermaksud secara kolektif Tempoh Langganan berserta jenis Peranti, Bilangan Peranti yang Dibenarkan, syarat-syarat transaksi lain, syarat dan dokumen yang anda terima apabila anda memperoleh Penyelesaian (termasuk sebarang terma dan syarat jualan) dan sebarang perjanjian pengedaran, perjanjian penjual semula, perjanjian rakan kongsi atau perjanjian lain di antara anda dan Vendor atau ahli Kumpulan Vendor yang lain, serta batasan lain yang diterangkan oleh Bahagian [2](#) dan Dokumentasi.

Sila ambil maklum bahawa Perjanjian ini datang dalam dua bahagian. Bahagian [1](#) hingga [12](#) Perjanjian ini terpakai pada semua Penyelesaian, termasuk yang disenaraikan di bawah. Bahagian [13](#) menetapkan terma dan syarat tambahan yang mempengaruhi Penyelesaian atau kategori Penyelesaian tertentu, termasuk Perisian, Perkhidmatan dan Produk lain Pihak Ketiga (Bahagian [13.1](#)); Lesen Penyedia Perkhidmatan Terurus (Bahagian [13.2](#)); Pembersihan Pelayar (Bahagian [13.3](#)); WiFi Finder (Bahagian [13.4](#)); Avast Family Space (juga dijual sebagai Star Guard Family, Vodafone Family Protect and WINDTRE Family Protect) (Bahagian [13.5](#)); Aplikasi Mudah Alih (Bahagian [13.6](#)); Edisi Juruteknik (Bahagian [13.7](#)); Pelan Jaminan (Bahagian [13.8](#)); Sokongan Teknikal Premium (Bahagian [13.9](#)); Akses Jarak Jauh; Perisian Bantuan (Bahagian [13.10](#)); Avast Driver Updater (Bahagian [13.11](#)), Avast Secure Web Gateway atau Avast Secure Internet Gateway (Bahagian [13.12](#)), perkhidmatan HMA tertentu (Bahagian [13.13](#)), Penyelesaian Rangkaian Peribadi Maya Vendor (Bahagian [13.14](#)), sebarang dongel atau perkakas yang disediakan oleh Avast sebagai sebahagian daripada langganan anda (Bahagian [13.15](#)), and Platform Perisikan Ancaman Mudah Alih (Bahagian [13.16](#)). Perjanjian ini mengatasi dan menggantikan mana-mana perjanjian lain yang dibuat sebelum ini berhubung dengan versi Penyelesaian terdahulu.

Vendor boleh meminda Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada anda selaras dengan Perjanjian ini dan penggunaan berterusan anda bagi sebarang Penyelesaian yang

berkenaan pada bila-bila masa sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh notis akan bermaksud anda menerima pindaan Perjanjian ini. Vendor boleh meminta anda supaya menerima Perjanjian yang dipinda ini untuk meneruskan penggunaan Penyelesaian yang berkaitan yang telah anda beli sebelum ini. Jika anda menolak untuk menerima Perjanjian yang dipinda, Vendor boleh menamatkan penggunaan Penyelesaian yang terjejas itu, dalam hal ini anda boleh mendapatkan bayaran balik sebahagian dari yuran langganan yang telah anda bayar untuk bahagian Tempoh Langganan yang belum tamat tempoh atau tidak digunakan dengan mengikuti arahan yang boleh didapati di sini.

1. Lesen

Vendor memberi anda lesen bukan eksklusif untuk menggunakan Penyelesaian dan Dokumentasi untuk tempoh yang dipersetujui yang dinyatakan dalam Syarat Berkaitan, termasuk apa-apa pelanjutan atau pembaharuan tempoh yang dipersetujui ("Tempoh Langganan"), dengan syarat anda bersetuju dengan terma dan syarat Perjanjian ini.

2. Penggunaan Penyelesaian yang dibenarkan

2.1. Anda boleh menggunakan Penyelesaian pada, atau untuk menyokong, sehingga bilangan ("Bilangan Peranti yang Dibenarkan") telefon mudah alih, telefon pintar, tablet, peralatan rangkaian mudah alih, peranti mudah alih yang lain, (setiap satu "Peranti Mudah Alih"), komputer peribadi, IoT dan peranti lain yang bersambung kepada Internet, atau peranti lain yang serasi dengan Penyelesaian (setiap satu, termasuk setiap Peranti Mudah Alih, satu "Peranti") yang dinyatakan dalam Syarat Berkaitan secara eksklusif:

2.1.1. Dalam hal Penyelesaian di mana Vendor memperuntukkan untuk penggunaan korporat, komersial atau perniagaan (setiap satu, "Penyelesaian Perniagaan"), oleh anda atau ahli gabungan anda (entiti yang mengawal anda, dikawal oleh anda atau di bawah kawalan yang sama dengan anda) untuk tujuan perniagaan dalaman. Sekiranya terdapat sebarang penggunaan Penyelesaian Perniagaan oleh ahli gabungan anda, anda bertanggungjawab terhadap kepatuhan ahli gabungan anda dengan Perjanjian ini, dan pelanggaran oleh ahli gabungan anda akan dianggap pelanggaran oleh anda. Mana-mana kewajipan Vendor di bawah Perjanjian ini hanya perlu dilaksanakan kepada anda dan bukan ahli gabungan anda yang menggunakan Penyelesaian Perniagaan di bawah terma dan syarat Perjanjian ini.

2.1.2. Dalam kes untuk semua Penyelesaian lain, termasuk Avast Free Antivirus, AVG Free Antivirus, CCleaner Free dan semua Penyelesaian lain yang anda tidak perlu bayar yuran langganan atau harga lain sama ada untuk mendapatkan Penyelesaian atau untuk terus menggunakan Penyelesaian selepas tempoh percubaan (masing-masing, "Penyelesaian Pengguna") oleh orang sebenar, atau ahli-ahli isi rumah untuk tujuan peribadi, bukan komersial. Untuk mengelakkan keraguan, tiada Penyelesaian Pengguna disediakan atau dilesenkan untuk digunakan oleh mana-mana: (i) orang sebenar bagi tujuan komersial; atau (ii) perniagaan, syarikat, entiti kerajaan, organisasi bukan kerajaan atau entiti bukan untuk keuntungan lain, atau institusi pendidikan.

2.2. Anda boleh membuat satu salinan sandaran Perisian.

2.3. Anda boleh menggunakan Penyelesaian pada satu atau beberapa pelayan fail atau mesin maya untuk digunakan pada satu rangkaian kawasan setempat dengan syarat Penyelesaian ini dikonfigurasi untuk kegunaan rangkaian bagi satu (tetapi tidak lebih daripada satu) daripada tujuan berikut:

2.3.1. Pemasangan tetap Perisian ke dalam cakera keras atau peranti storan lain sehingga Bilangan Peranti yang Dibenarkan; atau

2.3.2. Penggunaan Penyelesaian pada rangkaian kawasan setempat seumpamanya, dengan syarat bilangan Peranti berlainan yang menggunakan Penyelesaian tidak melebihi Bilangan Peranti yang Dibenarkan; atau

2.3.3. Sekiranya Syarat Berkaitan memberikan anda hak menggunakan Penyelesaian untuk menyediakan Perkhidmatan MSP, gunakan Penyelesaian seperti yang diterangkan dalam Bahagian [13.2](#).

2.4. PENGGUNAAN PENYELESAIAN OLEH ANDA SELAIN DARIPADA YANG DIBENARKAN SECARA JELAS OLEH BAHAGIAN [2](#) PERJANJIAN INI ATAU SEBARANG PENJUALAN SEMULA ATAU PENGEDARAN PENYELESAIAN SELANJUTNYA MERUPAKAN PELANGGARAN MATERIAL BAGI PERJANJIAN INI DAN MUNGKIN MELANGGAR UNDANG-UNDANG HAK CIPTA YANG BERKAITAN.

3. Kemas kini

Vendor, dari semasa ke semasa sepanjang Tempoh Langganan dan tanpa kebenaran atau persetujuan berasingan anda, boleh dari semasa ke semasa melaksanakan peningkatan atau kemas kini, atau penggantian untuk, apa-apa ("*Kemas Kini*") Penyelesaian, dan disebabkan oleh pelaksanaan mana-mana yang tersebut anda mungkin tidak dapat menggunakan Penyelesaian atau Peranti berkenaan (atau sesetengah fungsi Peranti) sehingga mana-mana Kemas Kini tersebut dipasang atau diaktifkan sepenuhnya. Setiap Kemas Kini akan dianggap sebagai membentuk sebahagian daripada "Penyelesaian" untuk semua tujuan di bawah Perjanjian ini. Kemas kini boleh merangkumi tambahan dan pengeluaran mana-mana ciri atau fungsi tertentu yang ditawarkan oleh Penyelesaian atau boleh menggantikannya secara keseluruhan dan Vendor akan menentukan kandungan, ciri serta fungsi Penyelesaian yang dikemas kini mengikut budi bicara mutlak. Vendor tidak dikehendaki menawarkan anda pilihan untuk menolak atau menanggungkan Kemas Kini tetapi dalam sebarang keadaan, anda mungkin perlu memuat turun dan membenarkan pemasangan atau pengaktifan semua Kemas Kini untuk mendapatkan manfaat maksimum dari Penyelesaian. Vendor boleh berhenti menyediakan sokongan untuk Penyelesaian sehingga anda menerima dan memasang atau mengaktifkan semua Kemas Kini. Vendor akan menentukan waktu dan sama ada Kemas Kini itu sesuai mengikut budi bicara mutlak dan tidak wajib untuk menyediakan sebarang Kemas Kini kepada anda. Vendor mengikut budi bicaranya mutlak, boleh berhenti menyediakan Kemas Kini untuk sebarang versi Penyelesaian selain daripada versi terbaru atau Kemas Kini yang menyokong penggunaan

Penyelesaian berhubung dengan mana-mana versi sistem pengendalian, program e-mel, program pelayar dan perisian lain yang dengannya Penyelesaian direka untuk dikendalikan.

4. Hak pemilikan

4.1. Penyelesaian dan Dokumentasi adalah harta intelektual Vendor dan dilindungi oleh undang-undang hak cipta yang berkenaan, peruntukan perjanjian antarabangsa dan undang-undang lain yang berkenaan di negara tempat Penyelesaian digunakan. Struktur, organisasi dan kod komputer untuk sebarang Perisian dan perisian tegar (firmware) adalah rahsia perdagangan yang bernilai dan maklumat sulit Vendor. Sehingga ke tahap anda memberikan sebarang komen atau cadangan tentang Penyelesaian kepada Vendor, anda memberikan Vendor hak dan lesen untuk menyimpan dan menggunakan sebarang komen atau cadangan untuk sebarang tujuan dalam produk atau perkhidmatan semasa atau masa hadapan, tanpa sebarang bayaran pampasan kepada anda dan tanpa kelulusan anda terhadap simpanan atau penggunaan tersebut.

4.2. Kecuali seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, pemilikan dan penggunaan anda terhadap Penyelesaian tidak memberikan anda apa-apa hak atau hak milik kepada mana-mana hak harta intelektual dalam Penyelesaian atau Dokumentasi. Semua hak terhadap Penyelesaian dan Dokumentasi, termasuk semua hak cipta, paten, hak rahsia perdagangan, tanda dagangan dan hak harta intelektual lain yang berkaitan adalah terpelihara oleh Vendor.

5. Sekatan

5.1. Anda tidak boleh menyalin atau menggunakan Penyelesaian atau Pendokumenan kecuali seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Perjanjian ini. Anda tidak boleh dan tidak boleh membenarkan mana-mana pihak ketiga untuk:

5.1.1. menggunakan sebarang kod kebenaran, nombor lesen, gabungan nama pengguna/kata laluan atau kod pengaktifan lain atau nombor yang dibekalkan oleh Vendor yang berkaitan dengan sebarang Penyelesaian ("*Kod Pengaktifan*") atau untuk lebih daripada bilangan Peranti yang ditentukan oleh Syarat Berkaitan;

5.1.2. mendedahkan apa-apa Kod Pengaktifan kepada mana-mana pihak selain daripada Vendor atau wakil yang dilantik oleh Vendor;

5.1.3. kecuali dibenarkan dengan nyata oleh undang-undang: (i) jurutera berbalik, meleraikan, menyusun semula, menterjemahkan, membina semula, mengubah atau mengeluarkan sebarang Penyelesaian atau mana-mana bahagian tandatangan Penyelesaian (termasuk sebarang Kod Hasad (seperti yang ditafsirkan di bawah) dan rutin pengesanan Kod Hasad); atau (ii) menukar, mengubah suai atau sebaliknya mengubah sebarang Penyelesaian (termasuk sebarang tanda tangan Kod Hasad yang berkaitan dan rutin pengesanan Kod Hasad). "*Kod Hasad*" bermaksud apa-apa kod, ciri, rutin atau peranti yang dimaksudkan, atau direka secara automatik, atau dalam kejadian tertentu yang berlaku, atau pada pengambilan atau kegagalan mengambil tindakan tertentu, atau pada arahan atau kawalan mana-mana orang atau entiti, untuk: (a) mengganggu

pengendalian apa-apa perisian, perkhidmatan, peranti, harta, rangkaian atau data; (b) menyebabkan kemusnahan, perubahan, pemadaman apa-apa perisian, perkhidmatan, peranti, harta, rangkaian atau data, atau jika tidak menyebabkan pengendaliannya terganggu atau merosot; atau (c) membenarkan mana-mana orang atau entiti mengakses, menguasai, atau memusnahkan, mengubah, memadam, merosakkan, atau jika tidak mengganggu atau merosotkan pengendalian mana-mana bahagian sebarang perisian, perkhidmatan, peranti, harta, rangkaian atau data, dan apa-apa virus komputer, cecacing, pintu perangkap, pintu belakang, bom waktu, program berniat jahat, atau mekanisme seperti kunci perisian atau rutin untuk semak kata laluan, penyemakan nombor siri CPU, kebergantungan masa atau apa-apa kod lain yang bermaksud atau direka untuk membolehkan apa-apa perkara yang diuraikan dalam definisi ini (termasuk applet Java, kawalan ActiveX, bahasa skrip, pemalam pelayar atau kandungan yang ditolak);

5.1.4. kecuali yang dibenarkan oleh perjanjian pengedaran, perjanjian penjual semula atau perjanjian lain antara anda dan Vendor atau ahli Kumpulan Vendor lain menerbitkan, menjual semula, mengedarkan, menyiarkan, menghantar, menyampaikan, memindahkan, menyandarkan, menyewa, berkongsi atau sublesen apa-apa Penyelesaian;

5.1.5. kecuali seperti yang dibenarkan secara nyata oleh Perjanjian ini (termasuk Bahagian [13.2](#), [13.5](#) dan [13.7](#)), Syarat Berkaitan atau perjanjian lain antara anda dan Vendor atau ahli Kumpulan Vendor lain, menggunakan sebarang Penyelesaian untuk menguruskan kemudahan pihak ketiga atau memberi pihak ketiga akses kepada atau penggunaan mana-mana Penyelesaian pada biro perkhidmatan, pembahagian masa, perkhidmatan langganan atau penyedia perkhidmatan aplikasi atau lain-lain asas yang serupa;

5.1.6. penggunaan apa-apa Penyelesaian untuk menyediakan atau membangunkan produk atau perkhidmatan yang bersaing dengan Penyelesaian;

5.1.7. mengguna atau cuba untuk menggunakan apa-apa Penyelesaian untuk: (i) memuat naik, memuat turun, mengalir, menghantar, menyalin atau menyimpan apa-apa maklumat, data, atau bahan, atau melibatkan atau membantu dalam apa-apa aktiviti yang boleh: (A) melanggar hak harta intelektual atau hak-hak lain mana-mana pihak ketiga; (B) mengandungi apa-apa jenis bahan yang menyalahi undang-undang, berbahaya, mengancam, kasar, memfitnah atau yang tidak menyenangkan, (C) membahayakan atau cubaan membahayakan orang lain; (D) berpotensi untuk menghasut atau menghasilkan kelakuan yang menyalahi undang-undang, berbahaya, mengancam, kasar, mengganggu, menyalahi undang-undang, memfitnah, fitnah, kasar, lucah, melanggar privasi orang lain, kebencian, atau bersifat perkauman, etnik, diskriminasi seksual sebaliknya tidak menyenangkan; (E) menggalakkan atau menyediakan maklumat pengajaran mengenai aktiviti haram, menggalakkan kemudaratatan atau kecederaan fizikal terhadap mana-mana kumpulan atau individu, atau menggalakkan apa-apa perbuatan kejam kepada haiwan; (F) menyamar sebagai mana-mana orang atau entiti atau jika tidak mencadangkan hubungan anda dengan seseorang atau entiti; atau (G) membantu sebarang penipuan atau pencurian; atau (H) merosakkan, melumpuhkan atau menjejaskan operasi, atau memperoleh atau cuba mendapatkan akses yang tidak dibenarkan, penerimaan, penggunaan, penyalinan, pengubahan atau pemusnahan atau kepada mana-mana harta, Peranti, perisian, perkhidmatan, rangkaian atau data dengan apa-apa cara, termasuk dengan menggodam, pemancingan data, perdayaan atau cuba mengelakkan atau mengalahkan mana-mana tembok api, perlindungan kata laluan atau

perlindungan keselamatan maklumat lain atau kawalan dari segi apa pun; (ii) dengan apa-apa cara melanggar apa-apa undang-undang atau peraturan tempatan, kebangsaan atau antarabangsa yang berkenaan; (iii) memalsukan tajuk atau memanipulasi pengenalan untuk menyembunyikan asal mana-mana kandungan yang dihantar melalui penggunaan Penyelesaian; (iv) memuat naik, menyiarkan, menghantar e-mel atau menghantar apa-apa pengiklanan, bahan promosi, "mel remeh", "spam", "surat berantai" atau "skim piramid" yang tidak diminta atau tidak dibenarkan; atau (v) mengumpul atau menyimpan data peribadi tanpa pengetahuan dan menyatakan persetujuan subjek data;

5.1.8. kerosakan, melumpuhkan atau menjejaskan pengendalian, atau mendapatkan atau cuba mendapatkan akses yang tidak dibenarkan kepada, apa-apa Penyelesaian atau kepada mana-mana harta, Peranti, perisian, perkhidmatan, rangkaian atau data yang disambungkan kepada, atau beroperasi dengan Penyelesaian atau kepada mana-mana kandungan atau data yang disimpan, diakses atau dihantar melalui Penyelesaian tersebut, dengan apa cara sekalipun, termasuk dengan cara menggodam, memancing data, perdayaan atau berusaha untuk memintas atau mengatasi mana-mana tembok api, perlindungan kata laluan atau perlindungan keselamatan maklumat yang lain atau kawalan sifat apa pun;

5.1.9. ujian atau penanda aras, atau mendedahkan atau menerbitkan keputusan ujian atau penanda aras, untuk sebarang Penyelesaian tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Vendor; atau

5.1.10. mengalahkan atau memintas, cuba untuk mengalahkan atau memintas, atau memberi kuasa atau membantu mana-mana pihak ketiga dalam mengalahkan atau mengawal kawalan penggunaan salinan mana-mana Penyelesaian; atau

5.1.11. melanggar dasar Vendor yang mentadbir penggunaan yang boleh diterima Penyelesaiannya ("*Dasar Guna Boleh Terima*"), yang anda boleh dapati di sini. Sekiranya dan sehingga Perjanjian ini dan Dasar Guna Boleh Terima bercanggah, peruntukan yang lebih ketat akan dikekalkan.

5.2. Penyelesaian tertentu boleh memberi anda atau pengguna lain hak istimewa pentadbiran yang, antara lain, membolehkan pentadbir memantau Peranti lain dan/atau status Penyelesaian yang dilaksanakan pada Peranti lain, termasuk misalnya status Tempoh Langganan, mesej Penyelesaian, dan Kemas Kini. Anda menyatakan dan menjamin bahawa anda akan menggunakan keistimewaan pentadbiran tersebut hanya berhubung Peranti dan Penyelesaian yang anda telah diberi kebenaran dan bukan untuk tujuan lain. Anda turut menyatakan dan menjamin kepada Vendor bahawa: (i) anda mempunyai semua kuasa yang diperlukan untuk menerima Perjanjian ini, dan memasang dan/atau menggunakan Penyelesaian pada Peranti, bagi pihak mana-mana pemilik dan pengguna Peranti yang ditadbir; dan (ii) anda dengan ini menerima Perjanjian ini untuk dan bagi pihak: (A) mana-mana pemilik sedemikian dan pengguna Peranti yang ditadbir itu; dan (B) anda sendiri.

5.3. Penyelesaian tertentu mungkin membolehkan anda menerbitkan atau berkongsi secara terbuka dengan orang lain kandungan yang telah anda hasilkan atau peroleh daripada sumber lain ("*Kandungan Pengguna*"). Anda mengekalkan sebarang dan semua hak harta intelektual yang anda telah miliki di bawah undang-undang berkaitan dalam Kandungan Pengguna yang anda

terbitkan atau kongsi menerusi Penyelesaian, tertakluk kepada hak, lesen dan terma lain Perjanjian ini, termasuk sebarang hak asas orang lain dalam sebarang Kandungan Pengguna yang anda boleh gunakan atau ubah suai. Anda memberikan kepada setiap ahli Kumpulan Vendor, hak dan lesen tidak eksklusif, tidak terbatas, tanpa syarat, tanpa had, di seluruh dunia, tidak boleh ditarik balik, berterusan dan bebas royalti untuk menggunakan, menyalin, merekodkan, mengedar, menghasilkan semula, mendedahkan, menjual, menjual semula, memberi sublesen (menerusi pelbagai peringkat), mengubah suai, menyesuaikan, memaparkan, menyiarkan secara terbuka, menghantar, menerbitkan, menyiarkan, menterjemah, membuat kerja terbitan dan mengeksploitasi dalam apa jua cara sekalipun, semua atau mana-mana bahagian Kandungan Pengguna yang anda terbitkan atau kongsi melalui Penyelesaian (dan kerja-kerja terbitan daripadanya), semata-mata bagi tujuan menyediakan Penyelesaian kepada anda di bawah Perjanjian ini. Setiap kali anda menerbitkan atau berkongsi sebarang Kandungan Pengguna, anda menyatakan dan memberi jaminan kepada setiap ahli Kumpulan Vendor bahawa anda sekurang-kurangnya berumur dewasa di negeri atau dalam bidang kuasa tempat tinggal anda dan merupakan ibu bapa atau penjaga yang sah atau memiliki semua keizinan sewajarnya daripada ibu bapa atau penjaga yang sah, bagi mana-mana pengguna di bawah umur yang digambarkan di dalam atau menyumbang kepada mana-mana Kandungan Pengguna yang anda terbitkan atau kongsi dan berhubung dengan Kandungan Pengguna itu: (i) anda pengarang dan pemilik tunggal harta intelektual tersebut dan hak lain ke atas Kandungan Pengguna tersebut atau anda memiliki hak mengikut undang-undang untuk menerbitkan atau berkongsi Kandungan Pengguna tersebut dan memberikan hak kepada setiap ahli Kumpulan Vendor untuk menggunakannya seperti yang diterangkan dalam Bahagian [5.3](#), semuanya tanpa sebarang kewajipan yang dikenakan kepada mana-mana ahli Kumpulan Vendor untuk mendapatkan keizinan mana-mana pihak ketiga dan tanpa mewujudkan sebarang kewajipan atau liabiliti kepada mana-mana ahli Kumpulan Vendor; (ii) Kandungan Pengguna tersebut tepat; (iii) Kandungan Pengguna tersebut dan, mengenai kegunaan yang dibenarkan dan eksploitasi mana-mana ahli Kumpulan Vendor yang ditetapkan dalam Perjanjian ini, tidak akan melanggar mana-mana harta intelektual atau hak lain mana-mana pihak ketiga; dan (iv) Kandungan Pengguna tersebut tidak akan melanggar Perjanjian ini atau menyebabkan kecederaan atau bahaya kepada sesiapa.

6. Waranti terhad; penafian dan pengecualian liabiliti

6.1. Tertakluk kepada syarat selebihnya dalam Bahagian [6](#), Vendor memberi jaminan kepada anda bahawa Penyelesaian akan berfungsi atau akan dilaksanakan sebahagian besarnya mengikut Dokumentasi untuk tempoh 30 hari selepas penerimaan awal Penyelesaian anda. Untuk membuat tuntutan waranti, anda mesti mengikut arahan yang disediakan oleh sumber anda memperoleh Penyelesaian tersebut. Jika Penyelesaian itu tidak berfungsi sebahagian besarnya mengikut Dokumentasi, liabiliti keseluruhan dan eksklusif setiap ahli Kumpulan Vendor dan setiap Rakan Kongsi Vendor, dan keseluruhan remedi dan eksklusif anda berhubung dengan waranti tersebut akan terhad kepada pilihan Vendor, sama ada: (i) penggantian bagi Penyelesaian; atau (ii) pemulangan Penyelesaian untuk mendapatkan bayaran balik bagi sebahagian daripada yuran langganan yang anda telah bayar bagi bahagian Tempoh Langganan yang belum tamat tempoh atau tidak digunakan. Waranti ini terpakai hanya kepada Penyelesaian tersebut seperti yang

diserahkan pada asalnya dan tidak merangkumi: (i) sebarang Kemas Kini; (ii) sebarang kecacatan yang disebabkan oleh gabungan, operasi atau penggunaan Penyelesaian dengan: (A) perisian, perkakasan atau bahan lain yang tidak disediakan oleh Vendor; atau (B) Peranti, perisian atau bahan lain yang tidak mematuhi syarat Vendor yang dinyatakan dalam Dokumentasi.

6.2. KECUALI SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM BAHAGIAN [6.1](#) PERJANJIAN INI, AHLI-AHLI KUMPULAN VENDOR DAN RAKAN KONGSI VENDOR TIDAK MENJAMIN PRESTASI ATAU HASIL YANG ANDA MUNGKIN PEROLEH APABILA MENGGUNAKAN SEBARANG PENYELESAIAN ATAU PENDOKUMENAN. KECUALI SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM BAHAGIAN [6.1](#) PERJANJIAN INI, PENYELESAIAN INI DISEDIAKAN “SEBAGAIMANA ADANYA” DAN AHLI KUMPULAN VENDOR DAN RAKAN KONGSI VENDOR TIDAK MEMBERI JAMINAN ATAU SYARAT SECARA NYATA ATAU TERSIRAT DAN, SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, MENAFIKAN APA-APA DAN SEMUA SYARAT DAN WARANTI TERSIRAT OLEH STATUT, UNDANG-UNDANG BIASA, PERUNDANGAN ATAU TEORI UNDANG-UNDANG YANG LAIN, TERMASUK JAMINAN TERSIRAT ATAU SYARAT BUKAN PELANGGARAN HAK PIHAK KETIGA, HAK MILIK, KEBOLEHDAGANGAN, KUALITI SESUAI ATAU KESESUAIAN UNTUK SEBARANG TUJUAN TERTENTU. VENDOR TIDAK MEMBERI JAMINAN BAHAWA OPERASI MANA-MANA PENYELESAIAN TIDAK AKAN TERGANGGU ATAU BEBAS RALAT, BAHAWA PENYELESAIAN AKAN BERFUNGSI DENGAN BETUL PADA SEBARANG PERANTI ATAU DENGAN SEBARANG KONFIGURASI PERKAKASAN DAN/ATAU PERISIAN TERTENTU ATAU MANA-MANA PENYELESAIAN AKAN MEMBERIKAN PERLINDUNGAN SEPENUHNYA PADA INTEGRITI DATA YANG DIPILIH, MAKLUMAT ATAU KANDUNGAN YANG DISIMPAN ATAU DIHANTAR MELALUI INTERNET.

6.3. WALAU APA PUN PERUNTUKAN LAIN DALAM PERJANJIAN INI, SEBARANG PENYELESAIAN YANG DISEDIAKAN UNTUK ANDA TANPA BAYARAN (TERMASUK SEBARANG PENYELESAIAN YANG DISEDIAKAN SEBAGAI PENYELESAIAN “PERCUMA”, “PERCUBAAN” ATAU “BETA”) DISEDIAKAN ATAS DASAR “SEBAGAIMANA ADANYA”, “DENGAN SEMUA KEROSAKAN” DAN “SEPERTI YANG TERSEDIA”, TANPA SEBARANG JENIS WARANTI DAN TANPA SOKONGAN ATAU PERKHIDMATAN LAIN OLEH VENDOR.

6.4. SEHINGGA TAKAT SEPENUHNYA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, VENDOR ATAU MANA-MANA SYARIKAT YANG MENGAWAL, DIKAWAL OLEH ATAU DI BAWAH KAWALAN YANG SAMA DENGAN VENDOR (SECARA KOLEKTIFNYA “KUMPULAN VENDOR”) ATAU EJEN, PEMBERI LESEN, WAKIL, PEMBEKAL, PENGEDAR, PENJUAL SEMULA, PEMBAWA WAYARLES YANG TERDAPAT PADA RANGKAIAN ATAU SISTEM YANG MENYEDIAKAN PENYELESAIAN ATAU RAKAN NIAGA MANA-MANA AHLI KUMPULAN VENDOR YANG LAIN (SECARA KOLEKTIFNYA “RAKAN KONGSI VENDOR”) AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA TERHADAP:

6.4.1. APA JUA BENTUK KEROSAKAN ATAU KERUGIAN TIDAK LANGSUNG, LANJUTAN, SAMPINGAN, PUNITIF, KHAS ATAU TELADAN TANPA MENGAMBIL KIRA SEBAB ATAU TEORI LIABILITI;

6.4.2. SEBARANG KEROSAKAN BAGI SEBARANG KERUGIAN PERNIAGAAN, KEUNTUNGAN ATAU HASIL, KEHILANGAN PRIVASI, KEHILANGAN PENGGUNAAN APA-APA PERANTI ATAU PENYELESAIAN (TERMASUK PENYELESAIAN), PERBELANJAAN YANG TERBAZIR, KOS PEMULIHAN ATAU PENGGANTIAN BARANGAN, PERKHIDMATAN ATAU PRODUK DIGITAL, GANGGUAN PERNIAGAAN, APA-APA PENDEDAHAN ATAU KERUGIAN TANPA KEBENARAN (TERMASUK SEBARANG KEROSAKAN, PENURUNAN ATAU KETIDAKTERSEDIAAN) SEBARANG DATA ATAU MAKLUMAT (SAMA ADA SEBARANG KERUGIAN, KEROSAKAN, ATAU PERBELANJAAN TERDAHULU MERUPAKAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG ATAU TIDAK); ATAU

6.4.3. SEBARANG KERUGIAN ATAU KEROSAKAN KEWANGAN ATAU BUKAN KEWANGAN YANG TIMBUL AKIBAT PERJANJIAN INI ATAU SEBARANG PENYELESAIAN YANG DISEDIAKAN DI BAWAH INI;

WALAUPUN JIKA AHLI KUMPULAN VENDOR ATAU RAKAN KONGSI VENDOR TELAH MAKLUMI TENTANG KEMUNGKINAN SEBARANG KERUGIAN ATAU KEROSAKAN. MESKIPUN TERDAPAT SESUATU YANG BERTENTANGAN DALAM PERJANJIAN INI, AHLI KUMPULAN VENDOR ATAU MANA-MANA RAKAN KONGSI VENDOR TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA KE ATAS SEBARANG KERUGIAN ATAU KEROSAKAN (SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG) UNTUK SEBARANG AKSES TANPA KEBENARAN KEPADA ATAU SEBARANG KEROSAKAN, PENURUNAN KETIDAKTERSEDIAAN, PEMADAMAN, KECURIAN, KEMUSNAHAN, PENGUBAHSUAIAN, PENDEDAHAN ATAU KEHILANGAN SEBARANG DATA, MAKLUMAT ATAU KANDUNGAN YANG DIHANTAR, DITERIMA ATAU DISIMPAN OLEH ATAU BERHUBUNG DENGAN SEBARANG PENYELESAIAN WALAU APA JUGA PUNCANYA. SEHINGGA KE TAHAP MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, DALAM APA JUA HAL, JUMLAH LIABILITI TERKUMPUL MANA-MANA AHLI KUMPULAN VENDOR ATAU MANA-MANA RAKAN KONGSI VENDOR UNTUK SEMUA KERUGIAN DAN KEROSAKAN KEPADA ANDA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA YANG TIMBUL AKIBAT ATAU YANG BERKAITAN DENGAN MANA-MANA PENYELESAIAN, LANGGANAN ATAU PERJANJIAN INI TIDAK AKAN MELEBIHI: (I) LIMA DOLAR AMERIKA SYARIKAT (US\$ 5.00); DAN (II) JUMLAH YURAN LANGGANAN YANG TELAH ANDA BAYAR BAGI TEMPOH 12 BULAN TERDAHULU DARI TEMPOH LANGGANAN.

6.5. PENGECUALIAN DAN HAD LIABILITI AHLI KUMPULAN VENDOR DAN RAKAN KONGSI VENDOR YANG TERKANDUNG DALAM PERJANJIAN INI TIDAK AKAN MENGEHADKAN ATAU MENGEQUALIKAN POTENSI LIABILITI MEREKA UNTUK:

6.5.1. KEMATIAN, KECEDERAAN PERIBADI ATAU KEROSAKAN KE ATAS HARTA YANG NYATA ATAU PENIPUAN MELEBIHI TAHAP YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN; DAN

6.5.2. SEBARANG HAL YANG MUNGKIN TIDAK TERHAD ATAU DIKECUALIKAN OLEH UNDANG-UNDANG BERKAITAN.

7. Privasi; pemprosesan maklumat peribadi DAN LAIN

7.1. Istilah “*Data*,” seperti yang digunakan dalam Perjanjian dan Dasar Privasi ini, bermaksud: (a) maklumat yang anda berikan kepada Vendor, ahli lain Kumpulan Vendor, atau Rakan Vendor dalam pesanan Penyelesaian, termasuk nama anda, alamat pengebilan (termasuk poskod), alamat e-mel, nombor telefon, nombor kad atau akaun pembayaran, kad pembayaran atau kod pengesahan akaun, tarikh mula dan tarikh tamat tempoh kad pembayaran, kata laluan akaun yang anda pilih untuk akaun anda dengan Vendor atau ahli lain Kumpulan Vendor, dan lain-lain Data Pengebilan sebagaimana ditakrifkan dalam Dasar Privasi Vendor (di “*Dasar Privasi*”, yang boleh didapati di sini)(secara kolektif, “*Data Transaksi*”); (b) maklumat yang Vendor, ahli lain Kumpulan Vendor atau Rakan Vendor kumpul semasa pemprosesan dan memenuhi pesanan anda untuk Penyelesaian, termasuk maklumat tentang buatan, model, sistem operasi dan butir-butir lain yang mengenal pasti Peranti anda, nama pembekal perkhidmatan Internet anda, alamat protokol Internet (IP) anda; dan (c) maklumat mengenai pemasangan dan penggunaan Penyelesaian anda ((b) dan (c) yang dirujuk secara kolektif sebagai “*Data Perkhidmatan*” dalam Dasar Privasi).

7.2. Anda membenarkan Vendor, ahli lain dari Kumpulan Vendor atau Rakan Vendor, untuk menggunakan Data anda, bagi tujuan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi. Anda memperakui bahawa penggunaan Data anda termasuk pemprosesan dan memenuhi pesanan anda untuk langganan, mempertingkatkan Penyelesaian, dan memberi maklumat kepada anda mengenai Penyelesaian yang telah anda langgan dan menawarkan Penyelesaian yang lain. Anda mengakui bahawa Vendor atau ahli lain dari Kumpulan Vendor boleh berkongsi Data anda dengan Rakan Vendor seperti penyedia platform e-dagang Vendor dan pemproses pembayaran, pembekal yang menyediakan sokongan, perkhidmatan dan Penyelesaian kepada anda bagi pihak Vendor dan pembekal yang menyediakan Vendor atau ahli Kumpulan Vendor dengan analisis pembelian serta analisis kemalangan berkenaan dengan Penyelesaian. Anda juga mengakui bahawa Vendor atau ahli Kumpulan Vendor boleh berkongsi Data yang tidak dikenali dan diagregatkan dengan pihak ketiga untuk menganalisis trend.

8. Penamatan

8.1. Perjanjian ini akan segera ditamatkan apabila pelanggaran mana-mana kewajipan anda dalam Perjanjian ini (termasuk sebarang pelanggaran kewajipan anda dalam Bahagian [2](#), [5](#) atau [10](#)), yang akan mengakibatkan pelucuthakan sebarang hak yang mungkin anda terima Kemas

Kini atau untuk mendapatkan bayaran balik untuk bahagian yuran langganan yang telah anda bayar untuk bahagian Tempoh Langganan yang belum luput atau tidak digunakan. Vendor berhak mendapatkan sebarang penyelesaian lain yang terdapat di bawah undang-undang sekiranya pelanggaran anda terhadap kewajipan anda di bawah Perjanjian ini memberi kesan buruk terhadap sebarang ahli Kumpulan Vendor atau sebarang Rakan Kongsi Vendor. Pengecualian dan had liabiliti ahli Kumpulan Vendor dan Rakan Kongsi Vendor yang terkandung dalam Perjanjian ini masih akan berkuat kuasa selepas penamatan Perjanjian ini.

8.2. Vendor, dengan memberikan notis kepada anda, boleh dengan serta-merta menamatkan Perjanjian ini untuk kemudahan pada bila-bila masa berhubung dengan mana-mana Penyelesaian tertentu atau semua Penyelesaian dan liabiliti keseluruhan dan eksklusif setiap ahli Kumpulan Vendor dan setiap Rakan Vendor, dan remedi tunggal dan eksklusif anda, berkenaan dengan apa-apa penamatan sedemikian akan terhad kepada bayaran balik bagi bahagian yuran langganan yang anda telah bayar bagi bahagian Tempoh Langganan yang belum tamat tempoh atau tidak digunakan. Daripada tarikh berkuat kuasa penamatan tersebut, anda tidak boleh lagi menggunakan sebarang Penyelesaian dan Dokumentasi yang berkaitan.

8.3. Sekiranya Tempoh Langganan disyaratkan kepada anda untuk membayar yuran atau caj, dan jika Vendor belum menerima pembayaran pada hari 15^{hb} setelah tarikh akhir pembayaran, anda akan dianggap telah menyerahkan lesen anda untuk menggunakan Penyelesaian, dan lesen akan segera dihentikan tanpa tindakan selanjutnya oleh anda atau Vendor.

9. Hak terhad Kerajaan A.S

Semua Penyelesaian yang layak sebagai “barangan komersial”, seperti istilah yang didefinisikan dalam 48 C.F.R. 2.101, yang terdiri daripada “perisian komputer komersial” dan “dokumentasi perisian komputer komersial” sebagai terma yang digunakan dalam 48 C.F.R. 12.212. Selaras dengan 48 C.F.R. 12.212 dan 48 C.F.R. 227.7202-1 hingga 227.7202-4, semua pengguna akhir Kerajaan A.S yang memperoleh Penyelesaian sedemikian dan Dokumentasi yang berkaitan dengan hak-hak yang dinyatakan dalam Perjanjian ini yang terpakai kepada pelanggan bukan kerajaan. Penggunaan Penyelesaian tersebut dan Dokumentasi yang berkaitan merupakan persetujuan oleh entiti Kerajaan A.S. bahawa perisian komputer dan dokumentasi perisian komputer adalah komersial dan merupakan penerimaan hak dan sekatan yang ditetapkan dalam Perjanjian ini.

10. Kawalan eksport

Anda hendaklah mematuhi semua undang-undang antarabangsa dan A.S. yang berkenaan yang mengawal eksport dan eksport semula Penyelesaian ini, termasuk Peraturan Pentadbiran Eksport A.S. serta pengguna akhir, kegunaan akhir dan sekatan destinasi yang dikeluarkan oleh A.S. dan kerajaan lain. Tanpa menjejaskan hal umum di atas, anda mewakili, menjamin dan berjanji bahawa: (i) anda bukan ahli mana-mana senarai orang yang ditolak, senarai yang tidak disahkan, senarai entiti, senarai warganegara yang dilantik khas, senarai yang ditolak atau mana-mana senarai lain yang diterbitkan oleh Kerajaan A.S.; dan (ii) anda tidak akan menggunakan,

mengeksport atau mengeksport semula sebarang Penyelesaian di, atau, wilayah, destinasi, syarikat atau individu yang melanggar embargo A.S. dan Kesatuan Eropah atau sekatan perdagangan. Anda akan membayar ganti rugi, mempertahankan dan melepaskan setiap ahli Kumpulan Vendor terhadap sebarang tuntutan, permintaan, saman atau prosiding, dan semua ganti rugi, liabiliti, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada kegagalan anda untuk mematuhi Bahagian [10](#) ini.

11. Perjanjian Timbang Tara Yang Mengikat Dan Penepian Tindakan Mahkamah

11.1. Bahagian [11](#) ini diguna pakai untuk sebarang Pertikaian yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan sebarang Penyelesaian, langganan untuk sebarang Penyelesaian atau Perjanjian ini dan melibatkan anda dan Vendor. "*Pertikaian*," bagi tujuan Bahagian [11](#), ini bermaksud sebarang pertikaian, tindakan atau kontroversi lain tanpa mengira kuasa tindakan tertentu yang ditegaskan (misalnya ia merangkumi, antara kemungkinan sebarang kuasa tindakan lain atau asas undang-undang, tuntutan terhadap pelanggaran kontrak, salah nyata atau penipuan, ganti rugi, tort (termasuk kecuai dan liabiliti produk yang ketat), dan pelanggaran statut atau peraturan).

11.2. Sekiranya berlaku Pertikaian, anda harus memberi notis Pertikaian kepada Vendor, iaitu kenyataan bertulis bagi nama, alamat, maklumat hubungan anda, fakta yang menimbulkan Pertikaian dan pelepasan yang anda minta. Anda mesti menghantar sebarang notis Pertikaian melalui e-mel kepada Vendor di legal@avast.com (nyatakan Subjek: Bahagian [11](#) Notis Pertikaian Di Bawah EULA).

11.3. SEBARANG PROSIDING UNTUK MENYELESAIKAN ATAU MEMBUAT LITIGASI KE ATAS SEBARANG PERTIKAIAN DALAM MANA-MANA FORUM AKAN DILAKSANAKAN SEPENUHNYA SECARA INDIVIDU. ANDA TIDAK AKAN BERUSAHA UNTUK MEMPERDENGARKAN SEBARANG PERTIKAIAN SEBAGAI TINDAKAN KELAS, TINDAKAN PEGUAM PERIBADI ATAU DI MANA SALAH SATU PIHAK BERTINDAK ATAU BERCADANG UNTUK BERTINDAK DALAM KAPASITI WAKIL. TIADA TIMBANG TARA ATAU PROSIDING AKAN DIGABUNGGAN DENGAN YANG LAIN TANPA PERSETUJUAN AWAL SECARA BERTULIS DARIPADA SEMUA PIHAK TERHADAP SEMUA TIMBANG TARA ATAU PROSIDING YANG TERLIBAT.

11.4. Sekiranya anda dan Vendor tidak menyelesaikan sebarang Pertikaian melalui rundingan tidak formal, sebarang usaha lain untuk menyelesaikan Pertikaian akan dijalankan secara eksklusif oleh timbang tara mengikat yang ditadbir oleh Akta Timbang Tara Persekutuan Amerika Syarikat ("*FAA*"), 9 U.S.C. § 1 et seq, dan undang-undang substantif Negeri New York (tanpa mengambil kira pilihan prinsip undang-undang). Kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian [11.5](#) di bawah, anda melepaskan hak untuk membuat litigasi (atau mengambil bahagian dalam litigasi sebagai satu pihak atau ahli kelas) terhadap semua Pertikaian dalam mahkamah di hadapan seorang hakim atau juri. Sebaliknya, semua Pertikaian akan diselesaikan di hadapan penimbang tara yang berkecuali, di mana keputusannya akan dianggap muktamad kecuali bagi hak semakan semula kehakiman yang terhad di bawah FAA. Mana-mana

mahkamah yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak itu boleh menguatkuasakan keputusan penimbang tara tersebut.

11.5. Keperluan timbang tara Bahagian [11](#) ini adalah tertakluk kepada pengecualian berikut:

11.5.1. Anda boleh membuat litigasi sebarang Pertikaian dalam mahkamah tuntutan kecil, dalam negara atau subdivisiyen politik serupa yang lain di mana anda menetap, jika Pertikaian memenuhi semua keperluan untuk didengar dalam mahkamah tuntutan kecil. Jika anda memulakan tuntutan dalam mahkamah tuntutan kecil, anda bertanggungjawab terhadap semua kos dan bayaran mahkamah.

11.5.2. Semua Pertikaian berkenaan apa-apa dakwaan salah guna harta intelektual anda atau Vendor akan diselesaikan dalam mahkamah.

11.5.3. Jika anda merupakan pengguna dan bermastautin di Kesatuan Eropah, Norway, Iceland atau Lichtenstein, anda berhak menyuarakan Pertikaian anda menerusi platform Internet untuk penyelesaian pertikaian dalam talian yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Eropah ("*Platform ODR*"). Platform ODR bertujuan untuk memudahkan penyelesaian di luar mahkamah yang berkaitan dengan pembelian barangan dan perkhidmatan dalam talian antara pengguna dan pedagang yang berpangkalan di Kesatuan Eropah, Norway, Iceland dan Lichtenstein. Anda boleh mendapatkan Platform ODR dengan mengikut pautan ini: <http://ec.europa.eu/consumers/odr/>.

11.6. Sebarang timbang tara akan dikawal oleh American Arbitration Association ("*AAA*") menurut "Peraturan Timbang Tara Pengguna" AAA berkuat kuasa pada 1 September 2014, termasuk "Kos Timbang Tara (Termasuk Yuran Pentadbiran AAA)" berkuat kuasa 1 September 2014 (secara kolektifnya "*Prosedur Pengguna*") dan akan tertakluk kepada perkara berikut:

11.6.1. Prosedur Pengguna menyediakan yuran tertentu, secara khusus memperuntukkan sebahagian kepada pengguna (anda) dan lain-lain pada perniagaan (Vendor). Jika tuntutan anda ialah US\$75,000 atau kurang, Vendor akan membayar semua yuran dan kos yang dinyatakan tersebut, termasuk yang diperuntukkan kepada pengguna. Vendor tidak bersetuju untuk menanggung sebarang kos lain. Jika tuntutan anda lebih daripada US\$75,000, Prosedur Pengguna akan mengawal pembayaran.

11.6.2. Kecuali seperti yang tersedia di bawah, Prosedur Pengguna AAA hendaklah digunakan pada apa-apa Pertikaian antara pihak-pihak. Walau bagaimanapun, menurut Peraturan Timbang Tara Pengguna R-1(e), satu pihak boleh membangkitkan permohonan Peraturan Timbang Tara Pengguna yang betul kepada penimbang tara untuk keputusan akhir. Perjanjian ini mengawal setakat ia bercanggah dengan Prosedur Pengguna. Anda bersetuju untuk memulakan timbang tara hanya di negara atau lain-lain pecah bahagian politik yang sama di tempat anda tinggal. Prosiding timbang tara akan dilaksanakan menerusi panggilan persidangan. Walau bagaimanapun, jika prosiding dilaksanakan menurut Prosedur Pengguna AAA, penimbang tara hendaklah mempunyai kuasa budi bicara untuk mengehendaki perbicaraan secara bersemuka setelah permintaan daripada pihak terlibat.

11.6.3. Anda dan Vendor bersetuju bahawa penggunaan AAA untuk mentadbir timbang tara tidak sepadu dengan perjanjian pihak-pihak untuk menimbang tara Pertikaian. Jika AAA yang tidak akan atau tidak boleh menjalankan timbang tara, anda dan Vendor hendaklah berunding dengan niat baik untuk bersetuju dengan seorang penimbang tara tunggal yang akan menyelesaikan Pertikaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Prosedur Pengguna. Jika pihak-pihak tidak boleh bersetuju dengan seorang penimbang tara, mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten boleh melantik seorang penimbang tara yang hendaklah mematuhi Prosedur Pengguna AAA.

11.6.4. Jika satu atau beberapa bahagian dalam Bahagian [11](#) ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan ke atas semua atau sebahagian daripada Pertikaian, maka, dan hanya dalam keadaan tersebut, bahagian tersebut akan diputuskan dan Pertikaian tersebut akan diselesaikan tertakluk pada semua bahagian yang selebihnya di Bahagian [11](#) ini dan semua peruntukan lain dalam Perjanjian ini. Jika keputusan sedemikian pada semua atau sebahagian Pertikaian yang dibicarakan di mahkamah, bidang kuasa eksklusif untuk mana-mana prosiding mahkamah sedemikian akan menjadi mahkamah yang berada di daerah New York, New York, A.S. Bagi tujuan sebarang prosiding mahkamah, anda memberi keizinan dan tidak akan mencabar, bidang kuasa peribadi New York, mahkamah New York ke atas anda dan anda seterusnya mengetepikan bantahan berdasarkan tempat yang tidak wajar atau forum tidak mudah dan tidak akan memindahkannya ke daerah atau bidang kuasa yang lain.

11.7. Walau apa pun perenggan Bahagian [11](#), yang terdahulu, jika anda mendapatkan Penyelesaian untuk selain kegunaan peribadi atau di rumah, prosiding timbang tara, termasuk bayaran kos, akan ditadbir menurut Peraturan Timbang Tara Komersial AAA ("*Prosedur Komersial*"). Prosedur Komersial sewajarnya digunakan terhadap sebarang Pertikaian antara pihak dan anda tidak akan menyokong sebaliknya dalam sebarang prosiding. Walau bagaimanapun, Perjanjian ini mengawal setakat ia bercanggah dengan Prosedur Komersial.

12. Umum

12.1. Notis. Vendor boleh pada bila-bila masa menghantar sebarang notis kepada anda melalui mel elektronik, tettingkap timbul, kotak dialog atau cara lain, walaupun anda dalam hal-hal tertentu anda mungkin tidak menerima notis ini melainkan dan sehingga anda melancarkan Penyelesaian. Apa-apa notis seperti itu akan dianggap telah dihantar pada tarikh Vendor menyediakannya untuk kali pertama melalui Penyelesaian, tanpa mengira bila sebenarnya anda menerimanya.

12.2. Soalan Tentang Perjanjian Ini. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan tentang Perjanjian ini atau ingin meminta sebarang maklumat daripada Vendor, sila .

12.2.1. Tulis kepada Avast Software s.r.o., Piktrova 1737/1a, Prague 4, Postal Code 140 00, Czech Republic (tel.:+420 274 005 777); atau

12.2.2. Hubungi Vendor melalui e-mel atau lawati laman web Vendor di alamat yang disediakan [di sini](#)

12.3. Perjanjian Berasingan. Jika anda memperoleh dua atau lebih Penyelesaian, walaupun dalam satu transaksi, atau anda memperoleh langganan kepada mana-mana satu Penyelesaian dalam pelbagai transaksi, anda mungkin telah menerima Perjanjian Lesen Pengguna Akhir ini beberapa kali. Walaupun terma dan syarat yang anda terima mungkin serupa atau sama, setiap kali anda menerima terma dan syarat Perjanjian Lesen Pengguna Akhir ini, anda memasuki dalam perjanjian yang berbeza dan berasingan antara anda dan Vendor yang menyediakan Penyelesaian yang berkenaan.

12.4. Keseluruhan Perjanjian. Perjanjian ini merupakan keseluruhan perjanjian antara anda dan Vendor berkaitan dengan penggunaan Penyelesaian dan Dokumentasi. Perjanjian ini menggantikan semua komunikasi, cadangan, kenyataan, waranti dan wakil terdahulu atau semasa secara lisan atau bertulis berhubung dengan pemasangan dan/atau penggunaan Penyelesaian atau Dokumentasi. Walau apa pun yang disebut di atas, tiada apa-apa dalam Perjanjian ini akan mengurangkan sebarang hak yang anda mungkin miliki di bawah undang-undang perlindungan pengguna sedia ada atau undang-undang berkaitan lain dalam bidang kuasa anda yang tidak boleh diketepikan oleh kontrak. Perjanjian ini, Syarat Berkaitan dan Dokumentasi, setakat yang dapat dilaksanakan secara munasabah, akan ditafsirkan untuk menjadi konsisten antara satu sama lain, tetapi sekiranya berlaku konflik dokumen-dokumen ini akan dikawal mengikut susunan yang berikut: (i) Syarat Berkaitan; (ii) Perjanjian ini; dan (iii) Dokumentasi.

12.5. Tafsiran. Tajuk Perjanjian ini tidak menjejaskan tafsirannya. Penggunaan sebarang jantina termasuk semua jantina. Bentuk tunggal termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Di mana perkataan atau frasa ditentukan, bentuk tatabahasanya yang lain mempunyai maksud yang sepadan. Perkataan “menyertakan” dan “termasuk” akan ditafsirkan sebagai diikuti oleh perkataan “tanpa had.” Sebarang rujukan kepada “penggunaan” mana-mana perisian, Penyelesaian atau Kemas kini oleh anda akan dianggap mengandungi sebarang pemasangan apa-apa perisian, Penyelesaian atau Kemas kini oleh anda (melainkan jika konteksnya mempunyai makna yang lain). Asalnya Perjanjian ini disediakan dalam bahasa Inggeris. Walaupun Vendor mungkin menyediakan satu atau beberapa versi terjemahan Perjanjian ini untuk kemudahan anda, versi bahasa Inggeris Perjanjian ini akan menjadi versi yang mengawal Perjanjian ini jika berlaku apa-apa konflik atau percanggahan. Sekiranya satu kesamaran atau persoalan niat atau tafsiran berlaku, dalam sebarang prosiding kehakiman atau sebaliknya, terma Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan sebagai telah digubal bersama oleh kedua-dua pihak dan tiada anggapan atau beban bukti akan timbul memihak atau tidak memihak mana-mana pihak menurut kuasa pengarang mana-mana peruntukan Perjanjian ini.

12.6. Kebolehasingan. Sekiranya mana-mana peruntukan Perjanjian ini dianggap sebagai menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan, ia hendaklah sehingga ke tahap dianggap bukan sebahagian daripada Perjanjian ini tetapi Perjanjian ini yang selebihnya akan kekal sah dan boleh dikuatkuasakan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan.

12.7. Kemustahilan. Vendor tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam prestasi, kerana secara keseluruhan atau sebahagian, kegagalan utiliti (termasuk kuasa), kegagalan Internet, kegagalan telekomunikasi atau perkhidmatan teknologi maklumat, kegagalan telekomunikasi atau peralatan teknologi maklumat, mogok atau gangguan tenaga kerja

yang lain (termasuk tanpa had, mogok atau lain-lain gangguan pekerja yang timbul berhubung mana-mana ahli Kumpulan Vendor atau mana-mana Rakan Kongsi Vendor), peperangan atau keganasan, serangan penafian perkhidmatan atau serangan teknologi maklumat lain atau pelanggaran yang melibatkan mana-mana ahli Kumpulan Vendor atau mana-mana Rakan Kongsi Vendor, banjir, sabotaj, kebakaran, bencana alam, atau apa-apa sebab lain yang di luar kawalan munasabah mana-mana ahli Kumpulan Vendor atau Rakan Kongsi Vendor.

12.8. Penepian. Kegagalan mana-mana pihak menuntut prestasi sebenar bagi mana-mana terma, syarat dan peruntukan dalam Perjanjian ini tidak boleh dianggap sebagai penepian atau pelepasan terhadap pematuhan Perjanjian pada masa akan datang, dan terma, syarat dan peruntukan Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya. Tiada penepian mana-mana terma atau syarat Perjanjian ini di sebelah mana-mana pihak akan berkuat kuasa untuk apa-apa tujuan sekalipun melainkan penepian sedemikian diberikan secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak tersebut. Penepian mana-mana pihak daripada pelanggaran mana-mana peruntukan Perjanjian ini oleh pihak yang lain tidak boleh dianggap sebagai penepian berterusan pelanggaran tersebut atau sebagai penepian pelanggaran lain bagi peruntukan yang sama atau peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

12.9. Peruntukan. Anda tidak boleh memperuntukkan hak atau kewajipan anda di bawah Perjanjian ini tanpa persetujuan awal secara bertulis daripada Vendor. Vendor boleh memperuntukkan Perjanjian ini pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya semata-mata tanpa sebarang persetujuan awal secara bertulis daripada anda.

